



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

**Bil. 40 / 2023**

### **PENGELUARAN KERTAS UNDI POS BAGI PILIHAN RAYA KECIL (PRK) DEWAN NEGERI N.36 PELANGAI, PAHANG**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah mengeluarkan sebanyak **73 kertas undi pos** kepada yang berhak untuk mengundi secara pos bagi PRK Dewan Negeri N.36 Pelangai, Pahang. Pengeluaran kertas undi pos pada **25 September 2023 (Isnin)** adalah oleh Petugas Pilihan Raya di Dewan Negeri N.36 Pelangai, Pahang.
2. Bagi PRK Dewan Negeri N.36 Pelangai, Pahang, sebanyak **73 kertas undi pos** telah dikeluarkan yang terdiri daripada **69 Kategori 1A** (Petugas Pilihan Raya, Ahli/Pegawai SPR, Anggota Polis, dan Petugas Media), **satu (1) Kategori 1C** (Agensi dan Organisasi) serta **tiga (3) Pengundi Tidak Hadir (PTH) Luar Negara**.
3. Kesemua anggota polis bagi PRK Dewan Negeri N.36 Pelangai, Pahang telah dikeluarkan kertas undi secara pos. Oleh itu, **TIADA pusat mengundi awal akan dibuka pada 3 Oktober 2023 (Selasa) nanti**.
4. Proses pengeluaran kertas undi pos ini dijalankan dengan kehadiran **ejen undi pos daripada semua calon yang bertanding**.

5. SPR mengingatkan kepada semua pengundi pos supaya membuat penandaan pada kertas undi, mengisi dengan lengkap dan betul borang Perisytiharan Identiti (Borang 2) serta segera mengembalikannya kepada Pegawai Pengurus berkenaan **sebelum pukul 5.00 petang** pada Hari Mengundi iaitu pada **7 Oktober 2023 (Sabtu)**.
  
6. Pengundi juga diingatkan agar sentiasa **menjaga kerahsiaan undi** masing-masing dengan tidak merakam gambar kertas undi pos dan menularkannya di laman media sosial.

Sekian, terima kasih.

**DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK**

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

26 September 2023 / 10 Rabiulawal 1445H